

NO. SOALAN : 378

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN NGA KOR MING  
[ TAIPING ]**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapa warisan sejarah "33 Taiping First" telah diwartakan sebagai warisan negara dan senaraikan satu per satu.

**JAWAPAN :      DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) telah mewartakan enam (6) bangunan dalam "33 Taiping Many Firsts" sebagai warisan, iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang Selama, Gereja All Saints, Muzium Perak, Penjara Taiping, Perpustakaan Taiping dan Sekolah King Edward Ke-VII.

Selain itu, Kementerian ini melalui JWN telah memohon Pihak Berkuasa Negeri memberi keizinan untuk mewartakan beberapa tapak lagi di Taiping termasuk Stesen Keretapi Taiping, Taman Tasik Taiping, SK Convent Kota, Taiping, Hutan Paya Bakau, Matang dan Bangunan Sanitary Board (Majlis Perbandaran Taiping), Taiping.

Bangunan-bangunan lain dalam senarai "33 Taiping Many Firsts" yang berkepentingan warisan telah dimasukkan ke dalam senarai inventori untuk dilengkapi maklumat kajian sebelum diangkat sebagai warisan selari dengan peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Ianya merupakan usaha berterusan bagi memastikan bangunan dan tapak warisan di seluruh negara terpelihara serta kekal untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

Senarai tapak/bangunan dalam "33 Taiping Many Firsts" yang telah diwartakan sebagai warisan, yang belum mendapat keizinan Pihak

Berkuasa Negeri untuk diwartakan dan yang telah disenaraikan ke dalam Inventori JWN adalah seperti berikut:

Senarai Tapak/Bangunan yang telah diwartakan sebagai warisan

Bil.	Tapak / Bangunan
1.	<i>New Public Office</i> [No.PWD 258, Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang Selama (1881)]
2.	<i>Government Building (Chartered Bank India, Australia &amp; China)</i> [No. PWD 264, Perpustakaan Taiping (1888)]
3.	<i>All Saints Church</i> [Gereja All Saints (1883)]
4.	<i>Perak Museum</i> [No. PWD 268, Muzium Perak (1886)]
5.	<i>Taiping Gaol</i> [Penjara Taiping (1879)]
6.	King Edward VII School [Sekolah King Edward Ke-VII (1883)]

Senarai Tapak/Bangunan yang belum mendapat keizinan Pihak Berkuasa Negeri

Bil.	Tapak/Bangunan
7.	<i>Mangrove Forest, Matang</i> [Hutan Paya Bakau, Matang (1902)]
8.	<i>Public Garden</i> [Taman Tasik Taiping/Taman Awam (1884)]

Bil.	Tapak/Bangunan
9.	<i>Larut Municipal</i> [Sanitary Board - Majlis Perbandaran Taiping (1877)]
10.	<i>New Railway Station</i> [Stesen Keretapi (1884)]

### Senarai Inventori Tapak/Bangunan

Bil.	Tapak/Bangunan
11.	<i>Topo and Survey Office</i> [No.PWD 105, Pejabat Topo dan Pemetaan (1891)]
12.	<i>Telegraph Office</i> [No. PWD 103, Pejabat Telegraf (1877)]
13.	<i>British Officer's Mess</i> [No. PWD 7, Mes Pegawai Tentera (1879)]
14.	<i>Town Police Station</i> [No.PWD 355, Menara Jam Lama/Clock Tower (1881)]
15.	<i>Taiping Township</i> [Bandar Taiping (1874)]
16.	<i>Our Lady Sacred Heart Church</i> [Gereja Our Lady Sacred Heart (1875)]
17.	<i>Commonwealth War Memorial</i> [Kubur Peringatan Perang Komenwel (1947)]
18.	<i>Government Girls' School</i> [SM Treacher Methodist (1889)]
19.	<i>Esplanade</i> [Padang Explanade (1875)]

Bil.	Tapak/Bangunan
20.	<i>Market</i> [No. PWD 330 & 333, Pasar Taiping (1884)]
21.	<i>Headman's Hall, Matang</i> [No. PWD 20, Balai Penghulu, Matang (1875)]
22.	<i>Speedy Bungalow, Matang</i> [Rumah Kapten Speedy (1873)]
23.	<i>Night Safari</i> ( <i>Taiping's Night Safari</i> (2003))
24.	<i>Maxwell Hill</i> [Bukit Maxwell (1879)]
25.	<i>Ceylon Association of Taiping</i> [Persatuan Ceylon Taiping (1899)]
26.	<i>Asistant Resident Residency</i> [No. PWD 1, Kediaman Penolong Residen (1875)]
27.	<i>Kwang Tung Association</i> [Persatuan Kwang Tung (1887)]
28.	<i>Silver Jubilee Jetty</i> [Jeti Jubli Perak (1937)]
29.	<i>Tekah Aistrip</i> [Lapangan Terbang Tekah (1930)]
30.	<i>Perak State Railway Building &amp; Larut Railway Building</i> [No. PWD 267 & 269, Bangunan Keretapi Negeri Perak dan Larut (1885)]
31.	<i>Golf Course</i> [Padang Golf (1886)]
32.	<i>Rest House</i> [No. PWD 101, Rumah Rehat (1879)]

Bil.	Tapak/Bangunan
33.	<i>Treasury &amp; Audit Office</i> [No. PWD 102, Pejabat Pos (1874)]

Sumber "33 Taiping Many Firsts": Majlis Perbandaran Taiping

Sekian, terima kasih.